



**PEMAKLUMAN KEPADA PEMEGANG
SIJIL SIMPANAN PREMIUM (SSP)**

(TERMA & SYARAT KEPUTUSAN DAN TUNTUTAN HADIAH SSP)

Bil.	Perkara	Maklumat
1.	Keputusan Cabutan SSP	<p>a) Keputusan Cabutan SSP akan disiarkan di dalam akhbar-akhbar tempatan yang terpilih pada hari Selasa selepas Majlis Cabutan SSP diadakan atau pada hari lain yang akan ditentukan oleh Bank dari masa ke semasa.</p> <p>b) *Akhbar-akhbar tempatan yang terlibat adalah:-</p> <ul style="list-style-type: none">i. Utusan Malaysiaii. Utusan Borneoiii. New Straits Timesiv. New Sabah Timesv. Sin Chew Dailyvi. See Hua Dailyvii. Borneo Post <p><i>* atau mana-mana akhbar lain yang ditentukan oleh Bank dari masa ke semasa</i></p> <p>c) Keputusan juga boleh disemak menerusi:-</p> <ul style="list-style-type: none">i. Lamanweb BSN (www.bsn.com.my)ii. Papan kenyataan Bank; atauiii. SMS ke nombor 32255
2.	Pemakluman Kepada Pemenang	<p>Setiap pemenang akan dimaklumkan oleh Bank melalui pos mengikut alamat yang ada di dalam sistem Bank dalam tempoh 14 hari dari tarikh keputusan cabutan disiarkan. Pemenang dikehendaki mengikut arahan di dalam notis berhubung dengan tuntutan hadiah.</p>
3	Keperluan Dokumen Daripada Pemenang	<p>Bagi memproses tuntutan hadiah, pemenang perlu mengemukakan dokumen-dokumen berikut kepada Bank di alamat yang dinyatakan pada Bil 10 di bawah:-</p> <p>a) Hadiah-hadiah Utama</p> <ul style="list-style-type: none">i. Salinan Kad Pengenalanii. Salinan Sijil SSP yang menangiii. Sekeping gambar berukuran pasportiv. Nombor telefon

		<p>b) Hadiah- hadiah lain Pemenang dikehendaki melengkapkan butir-butir seperti di keratan bawah notis pemakluman yang dihantar oleh Bank dan mengembalikannya kepada Bank dalam masa yang telah ditentukan pada notis tersebut.</p> <p>c) Hadiah Sijil SSP Tiada dokumen atau tindakan yang diperlukan daripada pemenang. (Sila rujuk pada Bil 6(d) di bawah).</p>
4.	Penghantaran Dokumen oleh Pemenang Kepada Bank bagi tujuan Tuntutan Hadiah	<p>Pemenang boleh menghantar dokumen yang diperlukan oleh Bank melalui kaedah berikut:-</p> <p>a) pos; dan/atau b) faks</p> <p>ke alamat dan nombor faks yang dinyatakan pada Bil 10 di bawah. Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kehilangan dokumen yang dihantar.</p>
5.	Pembekalan Hadiah SSP	<p>Urusan pembekalan hadiah kepada pemenang akan diuruskan oleh pembekal yang dilantik oleh Bank atau melalui kaedah lain yang akan ditentukan oleh Bank dari masa ke semasa pada budi bicara mutlak Bank.</p>
6.	Pembekalan Hadiah Kepada Pemenang	<p>a) Bank akan membekalkan butir-butir pemenang yang berkaitan kepada pembekal untuk menguruskan penghantaran/penyerahan hadiah setelah menerima dokumen yang diperlukan daripada pemenang.</p> <p>b) Pembekal akan menghubungi pemenang terus untuk mengaturkan urusan penghantaran hadiah.</p> <p>c) Semua hadiah yang dimenangi mestilah dituntut oleh pemenang itu sendiri mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan.</p> <p>d) Bagi hadiah sijil SSP, pemenang dikehendaki menuntut hadiah tersebut di mana-mana cawangan BSN dengan membawa notis pemakluman pemenang dan Dokumen Pengenalan pemenang. Bank juga berhak menggunakan kaedah lain yang akan ditentukan oleh Bank dari masa ke semasa pada budi bicara mutlak Bank.</p>

7.	Syarat-syarat utama hadiah yang dimenangi	<p>a) Semua hadiah yang dimenangi mestilah didaftarkan atas nama pemenang.</p> <p>b) Hadiah yang dimenangi tidak boleh ditukar dengan wang tunai, saiz/model yang berlainan dan sebagainya dan keputusan Bank dalam hal ini adalah muktamad.</p> <p>c) Bagi hadiah kenderaan, kos pendaftaran, insuran, cukai jalan serta pengangkutan (jika ada) adalah ditanggung sepenuhnya oleh pemenang. Bank hanya membuat bayaran di atas harga kenderaan sahaja.</p> <p>d) Setelah kenderaan tersebut didaftar atas nama pemenang, Bank tidak akan bertanggungjawab dalam apa-apa keadaan sekalipun berkaitan kenderaan tersebut (termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang perjanjian di antara pemenang, pembekal atau pihak ketiga).</p> <p>e) Bagi pemenang di bawah umur 18 tahun, pendaftaran hendaklah dibuat di atas nama penjaga.</p>
8.	Tempoh Masa Tuntutan Hadiah	<p>Pemenang dikehendaki mengemukakan dokumen-dokumen yang diperlukan kepada Bank (seperti pada Bil 3 di atas) dalam tempoh yang dinyatakan di dalam notis pemakluman.</p> <p>Hadiah yang dimenangi mestilah dituntut oleh pemenang tidak lewat dari 1 tahun dari tarikh notis pemakluman. Bank tidak akan melayan sebarang tuntutan selepas tempoh tersebut.</p>
9.	Pemenang yang meninggal dunia	<p>Sijil pemenang yang telah meninggal dunia layak menyertai cabutan sehingga 12 bulan dari tarikh mati dan hadiah yang dimenangi boleh dituntut oleh waris yang berhak mengikut proses tuntutan kematian.</p>
10.	Alamat & Nombor Telefon Bank Bagi Surat Menyurat/ Pertanyaan Tuntutan Hadiah SSP	<p>Bank Simpanan Nasional, Bahagian Deposit Konsumer Tingkat 9, Wisma BSN, 117, Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur No. Tel : 03-21623222 samb. 4511/4512 No. Fax: 03-21614930 u/p Pn Nurulnaim Ali / Pn Rosnaini Abdul Aziz</p>

11	Syarat Khas	<p>(i) Bank:-</p> <p>a) berhak dan pemenang membenarkan Bank memberi butir-butir pemenang (hanya yang berkaitan) kepada pembekal untuk membolehkan pembekal menyempurnakan tindakan pada Bil 6(a) dan (b) di atas;</p> <p>b) berhak dan pemenang membenarkan Bank menggunakan gambar dan butir-butir pemenang (hanya yang berkaitan) untuk tujuan publisiti atau pengiklanan;</p> <p>c) berhak secara mutlak untuk mengubah, meminda, mengeneipkan atau menambah mana-mana terma dan syarat dari masa ke semasa tanpa sebarang notis;</p> <p>d) berhak secara mutlak menukar/menggantikan hadiah dengan mana-mana hadiah lain yang difikirkan sesuai dari masa ke semasa tanpa sebarang notis;</p> <p>e) tidak akan dipertanggungjawabkan di atas sebarang kerugian atau masalah yang timbul akibat daripada cabutan SSP atau apa-apa perkara berkaitan dengannya selama ianya dibenarkan oleh undang-undang;</p> <p>f) berhak membuat keputusan berkaitan SSP atau apa-apa perkara berkaitan dengannya dan sebarang keputusan Bank adalah muktamad.</p>
----	--------------------	--